



SOALAN LAZIM

# POTONGAN CUKAI DUA KALI (DTD)



dtdrmc@uthm.edu.my



07-456 4819/013-746 3462



<https://rmc.uthm.edu.my>



@rmcuthm

*Towards Excellence in Managing Research for Sustainable Development*



# Apakah yang dimaksudkan dengan Potongan Cukai Dua Kali (DTD)?

---

Potongan Dua Kali (DTD) adalah potongan khas cukai bagi sumbangan atau bayaran perkhidmatan bagi aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang layak.



**34B.**  
**Special deduction for contribution to an approved research institute or payment for use of services of an approved research institute or company**

**34B. (1)**  
Subject to this section, in ascertaining the adjusted income of a person from a business for the basis period for a year of assessment, a deduction shall be made, as specified in subsection (2), from the gross income from the business for that period in respect of expenditure, not being capital expenditure, incurred by that person during that period in respect of -

- (a) contribution in cash to an approved research institute;
- (b) payment for the use of the services of an approved research institute or an approved research company;

**34B. (2)**  
The amount of deduction to be made under subsection (1) shall be twice the amount of expenditure, not being capital expenditure, referred to in that subsection:



**34B. Special deduction for contribution to an approved research institute or payment for use of services of an approved research institute or company**

34B. (4) In this section—

- (a) an “approved research institute” means an institute, including a company licensed under section 24 of the \*Companies Act 1965, approved by the Minister.....

|                  |  |
|------------------|--|
| Nama Institusi   | Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |
| Tarikh Kuatkuasa | 23 Mac 2018  |



# **Apakah Definisi Penyelidikan dan Pembangunan yang ditafsirkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)?**

---

“Penyelidikan dan pembangunan” ertinya apa-apa kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuannya untuk memperolehi pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau penambahbaikan pada bahan, peranti, produk, hasil, atau proses tetapi tidak termasuk...



1. Kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
2. Penyelidikan dalam sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
3. Pemungutan data rutin;
4. Kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
5. Penyelidikan pasaran atau promosi jualan;
6. Pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, proses atau kaedah pengeluaran, atau
7. Pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran



# Apakah Kriteria Aktiviti R&D yang layak untuk DTD?

Aktiviti R&D hendaklah memenuhi kriteria kelayakan bagi aktiviti R&D yang layak seperti berikut:

1. Mempunyai objektif untuk -
  - > memperolehi pengetahuan baharu;
  - > mencipta produk baharu atau proses baharu; atau
  - > penambahbaikan pada produk atau proses yang sedia ada.
2. Melibatkan perkara yang baharu (sesuatu yang baharu); atau risiko teknikal; dan
3. Merupakan kajian yang sistematik (systematic), penyiasatan (investigation) dan eksperimen (experimental) – (SIE) di dalam bidang sains atau teknologi;



# Minimum dan maksimum jumlah (RM) untuk DTD

---

Tiada



# Jenis syarikat yang layak untuk memohon DTD

---

Semua jenis syarikat layak memohon DTD.



# **Bilakah pihak syarikat perlu menghantar borang permohonan DTD apabila peruntukan telah disalurkan ke institusi yang layak?**

- Borang 3 yang telah dilengkappan (berserta dokumen sokongan) hendaklah disimpan dan dikemukakan semasa pemeriksaan audit.
- Nilai DTD dilaporkan di dalam Borang C yang dikemukakan oleh syarikat kepada LHDNM selepas tarikh penutupan akaun.



# Apakah dokumen sokongan yang wajib dilampirkan bersama-sama borang DTD?

---

- ✓ Perjanjian di antara pelanggan dengan syarikat penyedia perkhidmatan;
- ✓ Resit bayaran;
- ✓ Jadual aktiviti R&D;
- ✓ Penjelasan berkaitan sesuatu yang baharu atau risiko teknikal yang terlibat semasa penyelidik/ pakar perunding/ organisasi menjalankan aktiviti R&D;
- ✓ Surat Sokongan RMC.



# **Bagaimakah proses pengauditan DTD dijalankan? Adakah melalui penyelidik dan institusi atau syarikat?**

---

Proses pengauditan dilaksanakan ke atas institusi penyelidikan diluluskan dan syarikat (pelanggan).



## **Sekiranya projek penyelidikan terhenti sebelum tamat tempoh, adakah permohonan DTD ditarik semula?**

- DTD adalah merujuk kepada aktiviti R&D yang berlaku di dalam tempoh perakaunan.
- Sekiranya projek R&D (jangkaan siap dalam tempoh 24 bulan) tetapi tamat (gagal siap/ faktor kewangan dsb) pada bulan ke-15, maka perbelanjaan yang layak dikira sehingga bulan ke-15 sahaja.

# Bagaimanakah pengiraan ringkas DTD?



|                    |  | RM      | RM        |
|--------------------|--|---------|-----------|
| Untung bersih      |  |         | 8,000,000 |
| Tambah             | : Perbelanjaan tidak dibenarkan:       |         |           |
|                    | Susut nilai                            | 500,000 |           |
|                    | Perbelanjaan R&D yang layak            | 250,000 | 750,000   |
|                    |  |         | 8,750,000 |
| Tolak              | : Perbelanjaan dibenarkan:             |         |           |
|                    | <b>Potongan Dua Kali di bawah</b>      |         |           |
|                    | <b>seksyen 34B ACP (RM250,000 × 2)</b> |         | 500,000   |
| Pendapatan Larasan |  |         | 8,250,000 |

# TERIMA KASIH